



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1986
DR.17/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

[PARLIMEN]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1986, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 19 Akta Lembaga Letrik Sabah 1983, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan—

Pindaan seksyen 19. Akta 278.

(a) menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut :

“(1) Meteri am Lembaga hendaklah disimpan oleh Pengerusi atau mana-mana anggota Lembaga yang diwakilkan oleh Pengerusi di bawah seksyen 18 untuk menyimpan meteri itu.”; dan

(b) memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A):

“(1A) Meteri am Lembaga tidak boleh digunakan kecuali di hadapan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan seorang anggota dan

penggunaan itu hendaklah disahkan dengan tandatangan orang-orang itu dan pengesahan itu adalah bukti yang cukup bahawa meteri itu telah digunakan dengan sewajar dan sepatutnya dan bahawa ia adalah meteri Lembaga yang sah di sisi undang-undang.”.

Pindaan
seksyen 47.

3. Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

“Kuasa-
kuasa
meminjam.

47. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam dengan cara pinjaman, overdraf atau cara-cara lain sejumlah wang yang diperlukan bagi memenuhi obligasi-obligasinya dan melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 19 Akta untuk membolehkan meteri am Lembaga disimpan bukan sahaja oleh Pengerusi tetapi, apabila perlu, oleh mana-mana anggota Lembaga yang diwakilkan oleh Pengerusi.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 47 Akta untuk membolehkan Lembaga dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang tanpa apa-apa bentuk sekuriti, dengan cara pinjaman, overdraf atau cara-cara lain sejumlah wang yang diperlukan bagi memenuhi obligasi-obligasinya dan melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1380.]